

Privacy Notice (For Customers)

At CIMB Group, we value your privacy and strive to protect your personal information in compliance with the laws of Malaysia.

Pursuant thereto, this Privacy Notice is designed to explain and elaborate upon some of our policies and principles pertaining to the privacy of your personal information, all of which we have adopted as a sign of our commitment to respecting, maintaining, protecting and safeguarding the privacy of your personal information.

CIMB Group will only collect, record, hold, use, disclose and store (i.e. “process”) your personal information in accordance with such laws (including the Personal Data Protection Act 2010), this Privacy Notice and the privacy terms in your agreement(s) with any CIMB Group entity that you may have contracted with.

This Privacy Notice explains:

- The type of personal information we collect and how we collect it
- How we use your personal information
- The parties that we disclose the personal information to
- The choices we offer, including how to access and update your personal information

Your privacy matters to us, so please take the time to get to know our practices and if you need further information, please contact our Call Centre representatives at +603 6204 7788.

For the purposes of this Privacy Notice, please note that:

- *“CIMB Group” refers to CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies, as defined in section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies, providing financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside of Malaysia unless and to the extent otherwise stated.*
- *“Personal information” refers to any information which relates directly or indirectly to you and/or your transactions with us. This information includes your name, address, occupation, contact details, the details of your account(s), the type of products and/or services subscribed to and such other necessary information regarding yourself and your transaction(s) with us. For the avoidance of doubt, please note that this Privacy Notice is applicable only if you are an individual.*

What Kind Of Personal Information We Collect And How We Collect It

In order to enable us to deal with your inquiries, open and operate an account/facility for you and/or to generally provide you with our products and services, we may need to and/or may be required to process personal information and financial information about you, including but not limited to:

- a. personal information including your images to establish your identity and background;
- b. personal information to establish your financial standing, creditworthiness and/or suitability for any of our products/services applied for (if required); and/or
- c. personal information that you provide when you apply for any of our products and services.

We may obtain this information from yourself and from a variety of sources, including but not limited to:

- a. through your relationship with us, for example information provided by you in application forms, when using our products or services, when taking part in customer surveys, competitions and promotions, and during financial reviews;
- b. through your verbal and written communications with us and/or our authorised agents;

- c. from an analysis of the way you use and manage your account(s)/facility(ies) with us, from the transactions you make and from the payments which are made to/from your account(s)/facility(ies);
- d. from third parties connected with you, such as employers, joint account holders, security providers, guarantors and indemnitors, subject to your prior consent; and/or
- e. from such other sources in respect of which you have given your consent to disclose information relating to you and/or where not otherwise restricted.
- f. from recordings of Closed Circuit Television (CCTV) installed at our premises;
- g. from the Malaysia Department of Insolvency, other relevant governmental authorities and/or law enforcement agencies to ascertain inter alia your current and past financial standing;
- h. from any information that is supplied and/or collected when you visit our websites which include your computer's IP address or from any information that is collected via cookies in some of our websites. We use cookies for a number of purposes, including to store your preference for certain types of information or products, further analysis for the purpose of providing products and services to you, to improve our products and/or to personalize our services to you. You may adjust settings on your browser so that you will be notified when you receive a cookie or other similar tracking tools. Please refer to your browser documentation to check if the tracking tools have been enabled on your computer or to request not to receive cookies or to disable cookies if you do not wish to have information collected via the use of cookies.

How We Use Your Personal Information

Other than as stated above, we may use your personal information for one or more of the following purposes:

- a. to assess your application(s) /request(s) for our products and services;
- b. to verify your financial standing through credit reference/reporting checks;
- c. to manage and maintain your account(s) and facility(ies) with us;
- d. to better manage our business and your relationship with us;
- e. to better understand your current and future investment needs and your financial situation;
- f. to provide you with information on our and/or third party products, services, offers and/or contests which may be of interest to you and in this respect, to contact you via SMS, phone, email, fax, mail, websites, social media and/or any other appropriate communication channels;
- g. to improve our products and services and to develop new products and services;
- h. to notify you about benefits and changes to the features of products and services;
- i. to administer offers, competitions and promotions;
- j. to respond to your enquiries and complaints and to generally resolve disputes;
- k. to update, consolidate and improve the accuracy of our records;
- l. to produce data, reports and statistics which have been anonymised or aggregated in a manner that does not identify you as an individual;
- m. to conduct research for analytical purposes including but not limited to data mining and analysis of your transactions with us
- n. to meet the disclosure requirements of any law binding on CIMB Group;
- o. for audit, compliance and risk management purposes;
- p. to assess financial and insurance risks;
- q. to transfer or assign our rights, interests and obligations under any of your agreements with us;

- r. to protect or enforce our rights to recover any debt owing to us;
- s. to conduct anti-money laundering checks; for crime detection, investigation, prevention and prosecution; to comply with any sanction requirements;
- t. to enforce and/or defend any of our rights; and/or
- u. for any other purpose that is required or permitted by any law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities.

Please be assured that we will ask for your consent before using your personal information for a purpose other than those that are set out in this Privacy Notice and in the privacy terms in your agreement(s) with any CIMB Group entities.

Disclosure Of Your Personal Information

As a part of providing you with our products and services and the management and/or operation of the same, we may be required or need to disclose information about you and/or your accounts and/or facilities with us (as well as with other entities within the CIMB Group whether in or outside Malaysia) to the following third parties:

- a. companies and/or organisations that act as our agents, affiliates, service providers, business partners, professional advisers, other banks and/or financial institutions, within or outside Malaysia, where necessary;
- b. companies and/or organisations that assist us in processing and/or otherwise fulfilling transactions that you have requested;
- c. companies and/or organisations that assist us in providing value added services that you have requested;
- d. companies and/or organisations that provide services to us in communicating our products and services to you;
- e. your advisers (including but not limited to accountants, auditors, lawyers, financial advisers or other professional advisers) where authorised by you;
- f. any other person notified by you as authorised to give instructions or to use the account(s)/facility(ies) or products or services on your behalf;
- g. any third party as a result of any restructuring of facilities granted to you or the sale of debts, or the acquisition or sale of any company by CIMB Group, provided that any recipient uses your information for the same purposes as it was originally supplied to us and/or used by us;
- h. any guarantors or security providers for the facility(ies) granted by us to you;
- i. any person intending to settle any moneys outstanding under the facility(ies) granted by us to you;
- j. any rating agency, insurer or insurance broker or direct or indirect provider of credit protection;
- k. any financial institutions, merchants, VISA International Services Association, MasterCard International Incorporated and other card associations in relation to any credit card and/or debit card issued to you by us; and/or
- l. any person connected to the enforcement or preservation of any of our rights under your agreement(s) with us,

subject at all times to any laws (including regulations, guidelines and/or obligations) applicable to the CIMB Group (whether in or outside Malaysia). The afore-mentioned third parties may in some instances be located outside of Malaysia.

Additionally, the individual entities within the CIMB Group, our merchants and strategic partners may contact you about products, services and offers, which we believe may be of interest to you or benefit you

financially. However, please note that we will only disclose your personal information (which will not include information relating to your affairs or accounts) to our merchants and strategic partners where your express prior consent has been obtained and subject at all times to any laws (including regulations, guidelines and/or obligations) applicable to the CIMB Group (whether in or outside Malaysia).

You may tell us at any time if you do not wish to receive marketing communications from us, from individual entities within the CIMB Group and/or from our merchants and strategic partners by notifying us at the address/telephone number/e-mail address given at the end of this Privacy Notice. Your latest written instructions to us will prevail. Please take note that certain communications such as statements of account and our websites contain standard information regarding our other products and services that cannot be removed without affecting the delivery/provision of our services and/or products, the operation of your account(s) and/or facility(ies) with us, and/or additional costs to you.

We will otherwise treat your personal information as private and confidential and will not disclose your information to anyone outside the CIMB Group except:

- a. where you have given permission;
- b. where we are required or permitted to do so by law;
- c. where required or authorised by any order of court, tribunal or authority, whether governmental or quasi-governmental with jurisdiction over CIMB Group;
- d. where we may transfer rights and obligations pursuant to our agreement(s) with you; and/or
- e. where we are required to meet our obligations to any relevant regulatory authority (whether in or outside Malaysia).

Security Of Your Personal Information

Information is our asset and therefore CIMB Group places great importance on ensuring the security of your personal information. We regularly review and implement up-to-date technical and organisational security measures when processing your personal information.

Employees of CIMB Group are trained to handle the personal information securely and with utmost respect, failing which they may be subject to disciplinary action.

Retention Of Your Personal Information

CIMB Group will retain your personal information in compliance with this Privacy Notice and/or the terms and conditions of your agreement(s) with CIMB Group entities for the duration of your relationship with us, for such period as may be necessary to protect the interests of CIMB Group and/or its customers as may be deemed necessary, where otherwise required by the law and/or where required by CIMB Group's relevant policies.

What If Personal Information Provided By You Is Incomplete?

Where indicated (for example in application forms or account opening forms), it is obligatory to provide your personal information to us to enable us to process your application for our products or services. Should you decline to provide such obligatory personal information, we may not be able to process your application/request or provide you with our products or services.

Your Rights To Access And Correct Your Personal Information

We can assist you to access and correct your personal information held by us.

Where you wish to have access to your personal information in CIMB Group's possession, or where you are of the opinion that such personal information held by us is inaccurate, incomplete, misleading or not

up-to-date, you may make a request to us via our Data Access Request Form or Data Correction Request Form respectively. These forms are available at our branches.

We will use reasonable efforts to comply with your request to access or correct your personal information within 21 days of receiving your duly completed Data Access Request Form/Data Correction Request Form and the relevant processing fee (if any).

Please note that CIMB Group may have to withhold access to your personal information in certain situations, for example when we are unable to confirm your identity or where information requested for is of a confidential commercial nature or in the event we receive repeated requests for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reasons for not being able to accede to your request. Please also note that CIMB Group may use its discretion in allowing the corrections requested and/or may require further documentary evidence of the new information to avoid fraud and inaccuracy.

You can also assist us to keep your personal information (such as your current mailing address) up to date, as it will enable us to serve you better.

Exercising Choices Over The Disclosure, Retention And Use Of Your Personal Information

Subject always to our contractual rights and obligations under relevant laws and regulations, you may exercise your choice in respect of the disclosure, retention and use of your personal information. Should you wish to do so, kindly contact us at the address/telephone number/e-mail address given at the end of this Privacy Notice.

Revisions To Privacy Notice

This Privacy Notice may be revised from time to time. Notice of any such revision will be given on CIMB's website and/or by such other means of communication deemed suitable by CIMB Group.

Contacting CIMB Group About Your Privacy And How We Handle Your Personal Information

Should you have any query in relation to this Privacy Notice or how we handle your personal information, kindly contact Customer Resolution Unit at the following contact points:

Telephone: +603 6204 7788
E-Mail: cru@cimb.com
Address: Customer Resolution Unit
CIMB Bank Berhad
P.O.Box 10338,
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan

[The rest of this page has been intentionally left blank]

Notis Privasi (Untuk Pelanggan)

Di Kumpulan CIMB, kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda dengan mematuhi undang-undang Malaysia.

Oleh itu, Notis Privasi ini dirumus untuk menerangkan dan menjelaskan sebahagian daripada dasar dan prinsip kami tentang privasi maklumat peribadi anda, yang semuanya diguna pakai oleh kami sebagai tanda komitmen kami untuk menghormati, mengekalkan, dan melindungi privasi maklumat peribadi anda.

Kumpulan CIMB hanya akan mengumpul, merekodkan, memegang, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi anda mengikut undang-undang berkenaan (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), Notis Privasi ini dan terma privasi dalam perjanjian antara anda dan mana-mana entiti Kumpulan CIMB.

Notis Privasi ini menerangkan:

- Jenis maklumat peribadi yang kami kumpul serta cara kami mengumpul maklumat peribadi tersebut
- Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda
- Kepada siapa kami mendedahkan maklumat peribadi anda
- Pilihan yang kami tawarkan, termasuk cara mengakses dan mengemaskinikan maklumat peribadi anda

Privasi anda amat penting buat kami, jadi sila luangkan masa untuk mendalami amalan kami dan jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi wakil Pusat Panggilan kami di +603 6204 7788.

Bagi tujuan Notis Privasi ini, sila ambil maklum bahawa:

- *"Kumpulan CIMB" merujuk kepada CIMB Group Holdings Berhad dan syarikat-syarikat berkaitan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama, yang menyediakan perkhidmatan kewangan serta perkhidmatan lain yang dikawal selia dan tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan lain-lain bentuk kehadiran yang beroperasi di luar Malaysia melainkan jika dan setakat yang dinyatakan sebaliknya.*
- *"Maklumat Peribadi" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini merangkumi nama anda, alamat, pekerjaan, maklumat untuk menghubungi anda, butiran akaun anda, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan dan apa-apa maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami. Untuk mengelakkan keraguan, sila ambil perhatian bahawa Notis Privasi ini hanya berkenaan jika anda seorang individu.*

Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan Serta Cara Kami Mengumpul Maklumat Peribadi Tersebut

Untuk membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengoperasikan akaun/fasiliti untuk anda dan/atau untuk secara amnya memberikan anda produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu dan/atau mungkin diperlukan untuk mengumpul, merekod, memegang, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi dan maklumat kewangan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. maklumat peribadi untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda;
- b. maklumat peribadi untuk mengesahkan kedudukan kewangan, kepercayaan kredit anda dan/atau kesesuaian untuk mana-mana produk/perkhidmatan yang dipohon; dan/atau

- c. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami.

Kami mungkin mendapatkan maklumat ini daripada anda dan daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. melalui hubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan dan promosi, dan semasa ulasan kewangan;
- b. melalui komunikasi lisan dan bertulis anda dengan kami dan/atau ejen kami yang diberi kuasa;
- c. dari analisis cara anda menggunakan dan mengurus akaun/fasiliti anda dengan kami, dari transaksi yang anda buat dan dari pembayaran yang dibuat kepada/daripada akaun/fasiliti anda;
- d. daripada pihak ketiga berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, pemberi sekuriti/jaminan, penjamin dan indemnitator, tertakluk kepada persetujuan anda;
- e. daripada apa jua sumber lain dari mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ia sebaliknya tidak dihadkan;
- f. daripada rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami;
- g. daripada Jabatan Insolvensi Malaysia, pihak berkuasa kerajaan lain yang berkenaan dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan antara lainnya kedudukan kewangan anda pada masa ini dan di masa lalu;
- h. daripada sebarang maklumat yang diberikan dan/atau dikumpul apabila anda melawat laman web kami termasuk peranti mudah alih atau alamat IP komputer anda daripada sebarang maklumat yang dikumpul melalui 'cookies' di sesetengah laman web kami. Kami menggunakan 'cookies' untuk beberapa tujuan, termasuk menyimpan pilihan anda terhadap sesetengah jenis maklumat atau produk tertentu, analisis lanjut bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, untuk mempertingkatkan produk dan/atau menyesuaikan perkhidmatan kami khusus buat anda. Anda boleh melaraskan seting pada pelayar dan / atau peranti mudah alih anda supaya anda diberitahu apabila anda menerima 'cookie' atau alat pengesanan lain yang serupa. Sila rujuk kepada dokumen pelayar anda untuk memastikan sama ada alat pengesanan telah dipasang di komputer anda dan / atau peranti mudah alih anda atau untuk meminta untuk tidak menerima 'cookie' atau melumpuhkan 'cookie' jika anda tidak mahu maklumat anda dikumpul melalui penggunaan 'cookie'.

Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk satu atau lebih daripada satu tujuan berikut:

- a. untuk menilai permohonan/permintaan anda untuk produk dan perkhidmatan kami;
- b. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan/laporan kredit;
- c. untuk mengurus dan mengekalkan akaun dan fasiliti anda dengan kami;
- d. untuk menguruskan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami dengan lebih baik;
- e. untuk lebih memahami keperluan pelaburan anda yang sama dan akan datang dan keadaan kewangan anda dengan lebih baik;
- f. untuk memberikan maklumat tentang produk, perkhidmatan, tawaran, dan/atau pertandingan kami dan/atau pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda dan dalam hal ini, untuk menghubungi anda melalui SMS, telefon atau peranti mudah alih, e-mel, faks, surat, laman web atau pelayar imbas, media sosial dan/atau saluran komunikasi lain yang sesuai;
- g. untuk memperbaiki produk dan perkhidmatan kami dan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang baru;

- h. untuk memberi notifikasi kepada anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri produk dan perkhidmatan;
- i. untuk mentadbir tawaran, pertandingan dan promosi;
- j. untuk membalas pertanyaan dan aduan anda dan secara amnya menyelesaikan pertikaian;
- k. untuk mengemas kini, menyatukan dan memperbaiki ketepatan rekod kami;
- l. untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah dikumpul tanpa maklumat peribadi atau dengan secara agregat tanpa mengenal pasti anda sebagai seorang individu;
- m. untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada perlombongan data dan analisis transaksi anda dengan kami;
- n. untuk memenuhi keperluan pendedahan seperti yang dikehendaki oleh apa jua undang-undang yang mengikat Kumpulan CIMB;
- o. bagi tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- p. untuk menilai risiko kewangan dan insurans;
- q. untuk memindahkan atau memberikan hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- r. untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami untuk mendapatkan kembali apa jua yang terutang kepada kami;
- s. untuk menjalankan pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; untuk mematuhi mana-mana syarat saksi;
- t. untuk menguatkuasakan dan/atau mempertahankan hak kami; dan/atau
- u. bagi apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan.

Sila yakin bahawa kami akan meminta kebenaran anda sebelum menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini dan dalam terma privasi perjanjian anda dengan mana-mana entiti Kumpulan CIMB.

Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami dan pengurusan dan/atau operasinya, kami mungkin dikehendaki atau perlu mendedahkan maklumat mengenai anda dan/atau akaun dan/atau fasiliti anda dengan kami (serta dengan entity-entiti lain di dalam Kumpulan CIMB sama ada di dalam atau di luar Malaysia) kepada pihak-pihak ketiga berikut:

- a. syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai agen, ahli gabungan, penyedia perkhidmatan, rakan niaga, penasihat profesional, bank atau institusi kewangan lain, sama ada di dalam atau di luar Malaysia apabila perlu;
- b. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami memproses dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi yang anda minta;
- c. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang anda minta;
- d. syarikat dan/atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada kami untuk memaklumkan tentang produk dan perkhidmatan kami kepada anda;
- e. penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional lain) di mana kebenaran diberikan oleh anda;

- f. mana-mana pihak lain yang anda telah memaklumkan kepada kami sebagai mempunyai kuasa untuk memberi arahan atau menggunakan akaun/ fasiliti atau produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;
- g. mana-mana pihak ketiga akibat penyusunan semula kemudahan yang diberikan kepada anda atau penjualan hutang, atau pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan CIMB, dengan syarat bahawa mana-mana penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama ia pada asalnya dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- h. mana-mana penjamin atau pemberi sekuriti/jaminan untuk fasiliti yang disediakan oleh kami kepada anda;
- i. mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyelesaikan apa-apa wang terhutang di bawah fasiliti yang disediakan oleh kami kepada anda;
- j. mana-mana agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans atau pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit;
- k. mana-mana institusi kewangan, pedagang, Persatuan Perkhidmatan Antarabangsa VISA, Perbadanan Antarabangsa MasterCard dan persatuan kad lain yang berhubung dengan mana-mana kad kredit dan/atau kad debit yang dikeluarkan kepada anda oleh kami; dan/atau
- l. mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami,

tertakluk pada setiap masa kepada undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) berkaitan dengan Kumpulan CIMB (sama ada di dalam atau di luar Malaysia). Pihak ketiga yang disebut di atas boleh dalam keadaan tertentu terletak di luar Malaysia.

Selain itu, setiap entiti di dalam Kumpulan CIMB, pedagang dan rakan kongsi strategik kami mungkin menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik kepada anda atau memberi manfaat kewangan kepada anda. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kami hanya akan mendedahkan maklumat peribadi anda (yang tidak termasuk maklumat yang berhubung dengan hal ehwal atau akaun anda) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu dan tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) berkaitan dengan Kumpulan CIMB (sama ada di dalam atau di luar Malaysia).

Anda boleh memberitahu kami pada bila-bila masa jika anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran daripada kami, daripada mana-mana entiti dalam Kumpulan CIMB dan/atau dari pedagang dan rakan kongsi strategik kami dengan memberitahu kami di alamat/nombor telefon/alamat e-mel yang dinyatakan di hujung Notis Privasi ini. Arahan bertulis terbaru anda kepada kami akan diguna pakai. Dalam keadaan tertentu di mana komunikasi pemasaran dari kami dihantar melalui "push browser" ke peranti mudah alih anda, anda perlu mengikuti langkah tertentu yang ditetapkan untuk menghentikan penerimaan komunikasi pemasaran daripada kami. Sila ambil perhatian bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian akaun dan/atau fasiliti anda dengan kami, dan/atau bayaran tambahan kepada anda.

Kami sebaliknya akan menganggap maklumat peribadi anda sebagai sulit dan peribadi dan tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa sahaja di luar Kumpulan CIMB kecuali:

- a. di mana anda telah memberi kebenaran;
- b. di mana kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- c. di mana dikehendaki atau dibenarkan oleh perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa terhadap Kumpulan CIMB;

- d. di mana kami mungkin memindahkan hak dan obligasi menurut perjanjian kami dengan anda; dan/atau
- e. di mana diperlukan untuk memenuhi kewajiban kami kepada mana-mana pihak berkuasa kawal yang berkenaan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia).

Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Maklumat anda adalah aset kami dan oleh itu, Kumpulan CIMB meletakkan kepentingan yang besar dalam memastikan keselamatan maklumat peribadi anda. Kami sentiasa mengkaji semula dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini apabila memproses maklumat peribadi anda.

Kakitangan Kumpulan CIMB telah dilatih untuk mengendalikan maklumat peribadi dengan selamat dan dengan penuh hormat dan sekiranya gagal berbuat demikian, mereka mungkin tertakluk kepada tindakan tatatertib.

Penyimpanan Maklumat Peribadi Anda

Kumpulan CIMB akan menyimpan maklumat peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan mana-mana entiti Kumpulan CIMB sepanjang tempoh hubungan anda dengan kami, bagi sebarang tempoh yang diperlukan untuk melindungi kepentingan Kumpulan CIMB dan/atau pelanggannya sebagaimana yang dianggap perlu, jika sebaliknya diperlukan oleh undang-undang dan/atau jika dikehendaki oleh polisi Kumpulan CIMB yang berkenaan.

Bagaimana Jika Maklumat Peribadi Yang Anda Berikan Adalah Tidak Lengkap?

Di mana ia dinyatakan (contohnya dalam borang permohonan atau borang pembukaan akaun), ia adalah wajib untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda untuk produk atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda menolak untuk memberikan apa-apa maklumat peribadi yang wajib tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan/permintaan anda atau menyediakan produk atau perkhidmatan kami.

Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi Anda

Kami boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami.

Jika anda ingin mengakses maklumat peribadi anda dalam milik Kumpulan CIMB, atau di mana anda berpendapat bahawa maklumat peribadi tersebut yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini, anda boleh membuat permohonan kepada kami melalui Borang Permohonan Akses Data (Data Access Request Form) atau Borang Permohonan Pembetulan Data (Data Correction Request Form) kami. Borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami.

Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan Borang Permohonan Akses Data (Data Access Request Form)/Borang Permohonan Pembetulan Data (Data Correction Request Form) yang lengkap dan yuran pemprosesan yang berkaitan (jika ada).

Sila ambil perhatian bahawa Kumpulan CIMB mungkin perlu menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Sila ambil perhatian bahawa Kumpulan CIMB mungkin menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan pembetulan yang diminta dan/atau mungkin menghendaki keterangan dokumentari lanjut bagi maklumat yang baru tersebut untuk mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan.

Anda juga boleh membantu kami untuk memastikan maklumat peribadi anda (seperti alamat pos semasa anda) adalah terkini, kerana ia akan membolehkan kami untuk melayani anda dengan lebih baik.

Membuat Pilihan Tentang Pendedahan, Penyimpanan Dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda

Tertakluk sentiasa kepada hak kontraktual dan kewajipan kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda boleh menggunakan pilihan anda yang berkaitan dengan pendedahan, penyimpanan dan penggunaan maklumat peribadi anda. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi kami di alamat/nombor telefon/alamat e-mel yang dinyatakan di hujung Notis Privasi ini.

Semakan Semula Notis Privasi

Notis Privasi ini mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Notis tentang sebarang semakan semula tersebut akan diberikan di laman web CIMB dan/atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Kumpulan CIMB.

Menghubungi Kumpulan CIMB Mengenai Privasi Anda dan Bagaimana Kami Mengendali Maklumat Peribadi Anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Notis Privasi ini atau cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami seperti berikut:

Nombor telefon: +603 6204 7788
E-mel: cru@cimb.com
Alamat: Jabatan Khidmat Pelanggan
CIMB Bank Berhad
P.O.Box 10338,
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan

[The rest of this page has been intentionally left blank]